Isu Semasa Pengajian

# QURAN DAN SUNNAH

## SIRI 2

SIDANG EDITORIAL


Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
Afaf Abdul Ghafoor Hameed
Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar



FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA




# ISU SEMASA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH

**SIRI 2**

*Sidang Editorial*
**Muhammad Mustaqim Mohd Zarif**
**Afaf Abdul Ghafoor Hameed**
**Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar**

FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Universiti Sains Islam Malaysia
UNIT ARKIB PERPUSTAKAAN

**Cetakan Pertama 2005**

© Hak Cipta Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, KUIM

Hak Cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

**Sebarang bentuk artikel dan penulisan yang terkandung dalam buku ini adalah hak peribadi pengarangnya dan tidak semestinya mencerminkan pemikiran, pandangan atau pendirian pihak Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), KUIM.**

**ISBN:**

**983-2950-17-1**

***Diterbitkan Oleh:***

**Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,**
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM),
Tingkat 11, Menara A, Persiaran MPAJ,
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: (603) 4289-2033 Faks: (603) 4289-2055
Web Site: http://www.kuim.edu.my

***Dicetak Oleh:***

**MES ENTERPRISE SDN. BHD.**
(Co. Reg. No.: 605858-A)
Suite 7-6A, Bangunan Lim, No. 803-817,
Batu 4 ½, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: (603) 6250-1153 Faks: (603) 6250-6004
Web Site: http://www.mesenterprise.com.my

بسم الله الرحمن الرحيم

# KANDUNGAN

**Kata Pengantar** 7

**Al-I[c]jaz Al-[c]Ilmiyy Ke Arah Pemantapan Iman** 9
Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar

**Metod Al-Quran Dalam Membina Akhlak dan Peribadi** 21
Norzulaili Mohd Ghazali & Mohd Zohdi Mohd Amin

**Metodologi Shī[c]ah Kontemporari Dalam Pentafsiran Al-Qur'ān: Sorotan Kepada *Al-Mīzān Fī Tafsīr Al-Qur'ān* Oleh Sayyid Muḥammad Ḥusayn Al-Ṭabāṭabā'ī** 35
Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

**Israiliyyat Dalam Kitab Tafsir Melayu "Tafsir Anwar Baidhawi": Satu Analisa** 57
Mazlan Ibrahim & Ahmad Kamel Mohamed

**Ilmu Tafsir Di Zaman Kejumudan: Satu Tinjauan Ke Atas Perkembangan Pengajian Dan Penulisan Tafsir Pada Kurun Ke 11 Dan 12 Hijrah** 75
Adnan Mohamed Yusoff

**Al-Shatibiy Dan Sumbangannya Dalam Bidang Qiraat** 93
Khairul Anuar Mohamad

**Sikap *Ahli Hadith* Terhadap *Al-Qussas*** 103
Nidzamuddin Zakaria

**مناهج تفسير القرآن الكريم وتطورها** ١١٥
الدكتور إحسان موسى حسن الربيعي

**الجذور التاريخية لمنكري السنة وأماكن انتشارهم** ١٣١
الدكتور عادل محمد عبد العزيز الغرياني

**منهج الصحابة ﷺ في نقل السنة** ١٧٩
محمد زهدي بن محمد أمين، نور ذوليلي بنت غزالي، وان أزورا وان أحمد

**أمين الخولي: دراسة لمنهجه في التفسير** ١٩٧
الدكتور بدران بن الحسن

# KATA PENGANTAR

Segala pujian bagi Allah s.w.t. yang telah memuliakan manusia dengan al-Quran dan mengurniakan kita rahmat dan kesejahteraan melalui pengamalan dan penghayatan kandungannya dalam kehidupan serta menjadikannya petunjuk mendapatkan hidayah dan kebahagiaan dunia dan akhirat. Seterusnya, selawat dan salam ditujukan kepada penghulu umat manusia, Muhammad s.a.w. dan kepada seluruh ahli keluarga, Sahabat baginda dan golongan yang mengikuti mereka sehingga hari Kiamat.

Al-Quran merupakan sumber utama agama Islam. Ia bukan sahaja berperanan sebagai pembimbing kerohanian, bahkan juga merangkumi pelbagai aspek dan ceruk kehidupan samada politik, sosial, perundangan, ekonomi, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Ia telah disampaikan kepada manusia menerusi nabi Muhammad s.a.w. yang ditugaskan sebagai utusan Allah untuk menerangkan kepada manusia makna-makna dan petunjuk-petunjuk yang tidak dapat difahami mereka. Justeru, Sunnah Rasulullah s.a.w. yang merangkumi segala aspek percakapan, perbuatan dan pengakuan Baginda menjadi sumber kedua yang berautoriti dalam Islam selepas al-Quran. Kedua-dua sumber ini menjadi landasan kepada pembentukan dan penjanaan perundangan dan pengetahuan di kalangan orang-orang Islam.

Menyedari akan kepentingan kedua-dua sumber ini dan peranannya sebagai panduan dan pedoman kepada masyarakat, pihak Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah mengambil inisiatif menerbitkan koleksi artikel, kertas kerja dan penyelidikan semasa berfokuskan bidang pengajian Quran dan Sunnah dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Arab yang bertindak sebagai satu medium penyebaran ilmu dan jambatan yang menghubungkan antara warga akademik di Universiti dan masyarakat.

Siri sulung buku ini telah diterbitkan pada tahun 2003 yang lalu dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pihak masyarakat secara amnya. Kepelbagaian tajuk dan isu menarik yang dibincangkan dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Arab menjadi salah satu faktor penerimaan yang baik daripada masyarakat umum. Kejayaan ini secara tidak langsung

telah membantu menyemarakkan lagi percambahan penerbitan bahan-bahan ilmiah berkualiti, khususnya dalam bidang pengajian Quran dan Sunnah di Malaysia ini.

Oleh yang demikian, pada tahun 2005, siri kedua buku ini pula diterbitkan dengan fokus kepada pelbagai isu menarik berkaitan ilmu-ilmu al-Quran secara amnya seperti tafsir dan sejarah perkembangannya, analisis metodologi Shiᶜah kontemporari dalam tafsiran al-Quran, kewujudan israiliyyat dalam buku tafsir Melayu dan bahayanya kepada masyarakat, peranan al-Quran dalam membentuk jati diri, sejarah perkembangan tafsir dan tokoh dalam bidang tafsir dan Qiraat dari kedua-dua aspek biografi dan metodologi. Di samping itu, ia turut memuatkan isu berkaitan metodologi Sahabat dalam meriwayat dan menerima hadith, sorotan sejarah kemunculan anti-hadith dan penyebaran hadith-hadith palsu dan cerita-cerita yang tidak berasas dalam karya-karya yang berunsur keislaman seperti ceritera dan hikayat di kalangan masyarakat.

Hampir kesemua artikel yang dipaparkan pada asalnya merupakan kertas kerja para pensyarah Fakulti yang telah dibentangkan dalam siri program Nadwah Ilmiyyah FPQS sepanjang tahun 2004 yang lalu. Hanya satu sahaja artikel bertajuk *Amīn al-Khūliyy: Dirāsah li manhajihi fī al-tafsīr* (*Amīn al-Khūliyy: Kajian mengenai metodologi beliau dalam pentafsiran al-Quran*) yang dimuatkan bukan dari kalangan warga akademik Fakulti dan tidak dibentangkan dalam siri program tersebut.

Walaubagaimanapun, kesemua artikel ini telah melalui proses pengemaskinian dan penambahbaikan setelah mengambil kira komentar dan pandangan yang diajukan oleh para peserta yang terdiri daripada tenaga akademik dan siswa/i sepanjang sesi-sesi pembentangan berkenaan. Hasilnya, sebanyak sebelas artikel telah dikumpulkan dalam siri kedua ini untuk diterbitkan di mana tujuh daripadanya ditulis dalam bahasa Melayu manakala bakinya dalam bahasa Arab.

Akhir kata, diharapkan agar siri kedua buku ini dapat menyumbang ke arah perkembangan pengetahuan dan ilmu berasaskan al-Quran dan Sunnah yang betul dan dapat dimanfaatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat sebagai salah satu usaha penyebaran dan perkongsian ilmu dan maklumat di era k-ekonomi semasa.

**Muhammad Mustaqim Mohd Zarif**

*Ketua Editor*

2

Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah

ISBN 983-2950-17-1